



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ هَالِ الْهَوَالِ اِلَامَا اِسْلَامِ نَغَرِي سَابَاه

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

22 RABIULAKHIR 1445H/ 25 OKTOBER 2024M

MENCARI REZEKI HALAL

Disediakan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١٧٢﴾
(البقرة: 172)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib ingin berpesan kepada diri sendiri serta kepada jemaah sekalian, marilah bersama-sama kita berusaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan, kita semua beroleh rahmat Allah SWT dan termasuk di kalangan mereka yang berjaya di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari yang mulia ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: ***“Mencari Rezeki Halal”***.

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam adalah agama yang sangat menitik beratkan kefahaman ilmu dan kesempurnaan dalam beramal. Umat Islam sangat dituntut untuk sentiasa mempertingkatkan tahap dan kualiti ilmu pengetahuan, terutamanya ilmu yang berkaitan dengan akidah, ibadah dan akhlak. Ini bagi memastikan amalan yang dilaksanakan dalam kehidupan seharian adalah selari dan bersesuaian dengan tuntutan syarak, dan seterusnya menjadi amalan yang diterima oleh Allah SWT.

Sesungguhnya, setiap seorang muslim pasti mengharapkan agar segala amal ibadah yang ditunaikan dan dilaksanakan diterima dan dicatat sebagai amalan kebaikan di Akhirat kelak. Justeru itu, segala aspek dan perkara yang berkaitan dengan ibadah, seperti syarat sah, syarat wajib, rukun-rukun dan seumpamanya perlulah dipenuhi dan dilaksanakan dengan sempurna. Namun begitu, terdapat juga aspek lain yang perlu dititikberatkan dan diambil perhatian bagi memastikan amal ibadah kita diterima oleh Allah SWT. Antaranya adalah menjaga sumber rezeki dan makan minum yang halal serta baik.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Abu Hurairah, Rasulullah SAW menjelaskan bahawa Allah SWT hanya akan menerima perkara-perkara kebaikan sahaja, manakala sumber rezeki yang haram pula dikhuatiri boleh menjadi penghalang diterimanya doa dan ibadah seseorang. Baginda bersabda yang **maksudnya**: *“Sesungguhnya Allah Maha Baik, Dia tidak menerima kecuali perkara yang baik. Dan sesungguhnya Allah telah memerintahkan orang-orang mukmin dengan apa yang telah diperintahkan kepada para Rasul di mana Allah berfirman: (Wahai para Rasul! Makan minumlah kamu makanan yang baik- baik dan hendaklah kamu beramal soleh). Dan Allah berfirman: (Wahai orang-orang yang beriman! Makan minumlah kamu makanan yang baik-baik yang Kami rezekikan kepada kamu). Kemudian Baginda menyebut*

perihal seorang lelaki yang bermusafir jauh, yang berambut kusut masai dan berdebu, yang menadah tangan ke langit (iaitu berdoa): Wahai Tuhanku! Wahai Tuhanku! Sedangkan makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan dia dikenyangkan dengan makanan yang haram? Maka bagaimanakah doanya akan dimakbulkan! (Hadis Riwayat Muslim)

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,

Mencari rezeki daripada sumber yang halal merupakan satu perkara yang amat penting dan ditekankan dalam Islam. Menjaga dan memelihara sumber rezeki yang halal itu pada hakikatnya akan membantu seseorang muslim itu dapat melaksanakan ibadah dengan khusyuk dan sempurna kepada Allah SWT. Inilah antara hikmah dan pengajaran yang boleh diambil dalam intisari ayat Al Quran yang mengingatkan keutamaan memakan daripada sumber yang halal lagi baik seperti yang termaktub dalam firman Allah SWT surah Al-Mukminun, ayat 51:

يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٥١﴾

Maksudnya: “Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.”

Imam Ibnu Kathir mentafsirkan ayat ini dengan menyebut bahawa Allah SWT telah memerintahkan para rasul-Nya untuk makan daripada makanan yang halal dan seterusnya mengerjakan amalan kebaikan. Perkara ini menunjukkan bahawa menjaga aspek pemakanan yang bersumberkan halal boleh merangsang semangat dan motivasi seseorang itu untuk mengerjakan amalan kebaikan dalam kehidupannya.

Begitu juga pandangan yang dilontarkan oleh Imam Sheikh Tantawi ketika mentafsirkan ayat tersebut berkata:

“Di dalam ayat ini mengisyaratkan bahawa konsisten dalam menjaga aspek pemakanan yang baik yang dihalalkan oleh Allah SWT, dan tidak ada unsur syubhah di dalamnya, akan memberi kesan kepada seseorang itu untuk konsisten dalam mengerjakan amal soleh.” (Tafsir Al-Waseeth)

MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT SEKALIAN,

Menyedari hakikat perlunya untuk mendapatkan rezeki yang baik dan halal, seharusnya ia menjadi pendorong bagi kita untuk keluar berkerja mencari rezeki dengan bersungguh-sungguh. Ketahuilah, bahawa rezeki yang terbaik itu adalah rezeki yang diperoleh melalui hasil usaha dan titik peluh kita sendiri. Ini termasuklah bagi mereka yang bekerja menggunakan kemahiran dan kepakaran seperti bertani, menternak, berniaga, dan sebagainya sama ada yang berkerja dalam sektor awam dan swasta serta segala jenis profesion yang tidak bercanggah dengan hukum syarak.

Sememangnya berkerja mencari rezeki yang halal itu mempunyai kemuliaannya yang tersendiri. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Said bin Umair Al-Anshari, Rasulullah SAW pernah ditanya tentang apakah pekerjaan yang paling baik? maka Baginda pun menjawab yang **bermaksud**: *“Hasil pekerjaan seorang lelaki dengan melalui tangannya sendiri, dan setiap jualan yang baik.”* (Riwayat Ahmad)

Daripada hadis ini jelas dapat difahami bahawa usaha mencari rezeki halal itu sangat dipandang mulia dalam Islam. Justeru itu, bagi mendapatkan kemuliaan tersebut, serta bagi memastikan hasil rezeki yang diperolehi itu terjamin halal serta keberkatannya, maka seharusnya

kita semua memastikan pekerjaan yang kita lakukan adalah yang terbaik serta jauh daripada unsur-unsur yang dilarang oleh syarak. Laksanakanlah pekerjaan kita dengan penuh kesungguhan, amanah, jujur serta memenuhi peraturan yang telah ditetapkan. Hindarilah daripada melakukan perkara yang diharamkan oleh syarak seperti menipu, rasuah, pecah amanah, mengurangkan timbangan dan sebagainya. Ingatlah bahawa, setiap rezeki yang kita perolehi itu, pasti akan dipertanyakan kelak dihadapan Allah SWT.

HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIREDHAI ALLAH SEKALIAN,

Mengakhiri khutbah pada hari yang mulia ini, khatib sekali lagi ingin menyeru para jemaah sekalian agar bersama-sama kita sentiasa meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, antaranya adalah dengan memastikan sumber rezeki yang kita perolehi melalui cara dan jalan yang dibenarkan oleh syarak. Menyimpul khutbah yang disampaikan sebentar tadi. Terdapat beberapa intipati penting yang boleh diambil ibrah atau pengajaran iaitu:

Pertama: Kita perlu berusaha memastikan sumber rezeki serta makanan kita tidak mengandungi unsur-unsur yang haram, kerana dikhuatiri akan menyebabkan amalan kita ditolak oleh Allah SWT.

Kedua: Makanan dan sumber rezeki yang halal boleh membantu kita untuk terus istiqamah dalam melaksanakan ibadah kepada Allah SWT.

Ketiga: Berusaha mendapatkan rezeki yang halal dengan hasil usaha sendiri adalah satu perbuatan yang mulia dalam Islam.

Allah SWT berfirman dalam surah Al-Baqarah ayat 172:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١٧٢﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَةَ وَالْهِدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ
عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى
فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah
khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke
atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri
kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.
Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah
mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan
Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan
yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami
mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.